

DATE: 11/02/2008

# Prestasi jadi penentu

BH - 11/2/2008

## Kad laporan dinilai sama ada wakil rakyat layak dicalon semula: PM

Oleh Fazli Abdullah  
dan Mohd Anwar Patho Rohman

**B**UTTERWORTH: Penilaian ke atas kad laporan prestasi wakil rakyat Barisan Nasional (BN) adalah antara faktor yang diambil kira dalam pemilihan calon bagi pilihan raya umum kali ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, prestasi wakil rakyat sedia ada akan dinilai berdasarkan kad laporan itu untuk menentukan sama ada mereka layak dicalonkan semula atau perlu diganti dengan muka baru.

Abdullah berkata, beliau sudah menerima semua kad laporan prestasi itu dan sedang memperhalusinya bagi menilai mutu kerja serta khidmat yang diberikan setiap wakil rakyat BN sejak pilihan raya umum lalu.

"Saya akan lihat dan nilai apa yang mereka buat berdasarkan kad laporan itu kerana ia adalah antara faktor (sama ada dicalonkan semula)," katanya selepas menemui Puteri Umno Pulau Pinang di Seberang Jaya di sini, semalam.

Sebelum itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas, mengadakan perjumpaan dengan Pemuda Umno negeri serta mempengerusikan Mesyuarat Umno Bahagian Kepala Batas.

Kad laporan prestasi itu diperkenalkan pada 2004 dengan semua wakil rakyat BN perlu mengemukakan kepada Perdana Menteri setiap tiga bulan sebelum diubah kepada setiap enam bulan pada 2005.

Sebelum ini, Abdullah pernah mengingatkan wakil rakyat BN supaya tidak memandang ringan kad laporan prestasi kerana ia menjadi panduan

menilai mutu khidmat mereka.

Menerusi sistem kad laporan itu, pucuk pimpinan BN akan memaklumkan perkara yang perlu diberi perhatian di samping peringatan terhadap sebarang kekurangan dan perkara perlu diperbaiki oleh setiap wakil rakyat.

Abdullah juga menegaskan, beliau tidak pernah melantik atau membenarkan individu tertentu, bertindak bagi pihaknya, untuk menentukan calon pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya tiada anak angkat dan tidak pernah suruh sesiapa pun untuk buat apa-apa pasal calon," katanya sambil menafikan dakwaan kononnya beliau mempunyai seorang anak angkat yang berkuasa untuk menentukan calon.

"Apabila tiba masanya, saya akan terima senarai nama daripada ketua

perhubungan negeri masing-masing," katanya mengulas pendedahan Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib bahawa ada pihak tertentu mendakwa sebagai 'anak angkat' Abdullah yang berkuasa menentukan calon BN pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri menasihatkan ahli parti komponen BN supaya jangan mempercayai dan tidak terpengaruh dengan dakwaan itu.

"Tak usah percayalah sebab saya sudah beritahu awal lagi bahawa saya tidak beritahu sesiapa pun untuk tinjau fikiran sesiapa ataupun nak minta lobi siapa nak menjadi calon," katanya.

Mengenai senarai calon bagi Pulau Pinang, Perdana Menteri berkata, ia belum dikemukakan kepadanya.

"Negeri lain juga belum sampai, mereka sedang sediakan," katanya.